

17, 425 Peluang Kerjaya Sektor Pertanian Di MYFutureJobs

PETALING JAYA: Sebanyak 17,425 peluang kerjaya aktif dalam sektor pertanian telah diiklankan dalam portal MYFutureJobs kepada warga tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, 13,167 (76 peratus) daripadanya adalah pekerjaan yang ditawarkan dalam subsektor tanaman yang meliputi pelbagai kategori jawatan termasuk pengurusan dan pentadbiran, teknikal pertanian, penyelia ladang dan pekerja ladang.

Katanya, bagaimanapun, menurut **Jabatan Perangkaan Malaysia**, sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan merupakan tiga sektor utama di Malaysia yang majoriti pekerjaanya adalah bukan warganegara.

“Jabatan Imigresen Malaysia turut merekodkan sebanyak 156,334 pekerja asing aktif di Malaysia bagi sektor pertanian untuk tempoh sehingga 30 Jun 2019 dan dianggarkan 70 peratus daripadanya adalah di bawah subsektor tanaman,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Seminar Pemadanan Pekerjaan Subsektor Tanaman anjuran Jabatan Pertanian Malaysia (JPM) iaitu inisiatif Kerajaan dalam membantu pemain industri subsektor tanaman agromakanan mendapatkan pekerja dalam kalangan warga tempatan bagi mengatasi kekurangan pekerja dalam sektor tersebut.

“Melalui program ini, saya berharap agar warga tempatan di luar sana terutamanya para belia dapat mengambil peluang dan merebut tawaran kerja dalam sektor tanaman agromakanan sekaligus mengurangkan kebergantungan pekerja asing dalam sektor tersebut,” katanya menurut hantaran JPM di laman Facebook pada Sabtu.

Menurut hantaran itu, terdapat lebih 200 peluang kerjaya ditawarkan oleh lapan syarikat yang menyertai seminar tersebut dan lebih 10,000 peluang kerjaya yang ditawarkan oleh pihak industri melalui portal MYFutureJobs di bawah seliaan pihak PERKESO.

Seramai 200 orang hadir secara fizikal dan 1,000 orang melalui platform Webinar Zoom yang turut disiarkan secara langsung di Youtube TV Pertanian.

<https://sumberkini.my/17425-peluang-kerjaya-sektor-pertanian-di-myfuturejobs/>